

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: JBNS(A):100-4/10 Vol.2(49)

Tarikh : 26 Mei 2017

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Y.Bhg Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI BIL. 6 TAHUN 2017 CAJ PERBELANJAAN POL AKAN DIKENAKAN TERUS KE VOT PERUNTUKAN PERBELANJAAN POL KEMENTERIAN/ JABATAN WALAUNPUN PERUNTUKAN KECIL YANG DISALURKAN KE JKR TELAH HABIS ATAU TIDAK MENCUKUPI

1. TUJUAN

Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pegawai Pengawal/ Pemegang Waran Peruntukan tentang keperluan pihak JKR mengenakan caj perbelanjaan POL terus ke vot peruntukan perbelanjaan POL Kementerian/ Jabatan walaupun peruntukan kecil yang disalurkan ke JKR telah habis atau tidak mencukupi.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Bil. 17 Tahun 2016 bertarikh 05 Disember 2016 – Penyerahan peruntukan perbelanjaan POL kepada Jabatan Kerja Raya telah diedarkan kepada semua Pegawai Pengawal/ Pegawai Pemegang Peruntukan. Surat pekeliling ini adalah khas untuk pengambilan POL yang belum melalui Sistem ePOL.

2.2 Walaubagaimanapun, pihak JKR mendapati ada Kementerian/ Jabatan yang berterusan mengambil POL walaupun peruntukan kecil perbelanjaan POL yang disalurkan kepada JKR telah habis atau tidak mencukupi.

.....2/-



- 2.3 Pihak JKR juga telah berusaha memaklumkan kepada Kementerian/ Jabatan keperluan menambah (*top-up*) peruntukan perbelanjaan POL tetapi terdapat kelewatan tindakan dariapda pihak Kementerian/ Jabatan.
- 2.4 Ketiadaan atau kekurangan peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian/ Jabatan kepada JKR telah melambatkan proses pengakaunan perbelanjaan POL bulanan justeru melambatkan penutupan akaun. Perkara ini sepatutnya tidak berlaku kerana pihak Kementerian/ Jabatan sudah dibekalkan POL dalam bulan berkenaan.

3. TINDAKAN MENGENAKAN CAJ PERBELANJAAN POL TERUS KE VOT PERUNTUKAN PERBELANJAAN POL KEMENTERIAN/ JABATAN

- 3.1 Untuk menangani masalah seperti di para 2.3 dan 2.4 maka adalah perlu bagi pihak JKR untuk mengambil tindakan mengenakan caj perbelanjaan POL terus ke vot peruntukan perbelanjaan POL Kementerian/ Jabatan walaupun peruntukan kecil yang disalurkan ke JKR telah habis atau tidak mencukupi.
- 3.2 Ini bermakna pada setiap penutupan akaun bulanan pihak JKR akan membuat jurnal pelarasan melalui sistem eJurnal dengan debit vot peruntukan perbelanjaan POL Kementerian/ Jabatan berkenaan dan kredit vot akaun amanah JKR yang berkenaan sebagai terimaan hasil. Jurnal pelarasan boleh disediakan tidak kira samada baki peruntukan perbelanjaan POL yang telah disalurkan oleh Kementerian/ Jabatan kepada pihak JKR masih mencukupi, kurang mencukupi atau sudah habis dibelanjakan.
- 3.3 Jabatan Bendahari Negeri telah memberi kebenaran kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri (JPKN) untuk membenarkan pihak JKR memarap transaksi debit jurnal pelarasan dalam Sistem S3P supaya vot peruntukan perbelanjaan POL Kementerian/ Jabatan berkenaan dapat dicaj terus untuk mengakaun perbelanjaan POL berkenaan.
- 3.4 Pihak JKR tidak akan menghubungi lagi pihak Kementerian/ Jabatan untuk menambah (*top-up*) peruntukan walaupun baki peruntukan yang disalurkan terdahulu tidak mencukupi atau habis dibelanjakan.

- 3.5 Apabila pihak JKR membuat jurnal pelarasan transaksi debit ke atas vot peruntukan perbelanjaan POL Kementerian/ Jabatan berkenaan akan secara langsung atas talian (*online*) direkod dalam Sistem S3P Kementerian/ Jabatan berkenaan dan mengurangkan baki keseluruhan vot peruntukan berkenaan.
- 3.6 Jurnal pelarasan tersebut akan diserahkan oleh pihak JKR terus kepada Jabatan Bendahari Negeri untuk tindakan kelulusan dan pengakaunan ke Sistem Akaun Utama seterusnya.

4. TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN/ JABATAN MASING-MASING

- 4.1 Setiap Kementerian/ Jabatan hendaklah sentiasa memantau baki peruntukan serta senarai transaksi debit yang dikenakan ke vot peruntukan perbelanjaan POL dalam Sistem S3P masing-masing supaya Kementerian/ Jabatan dapat mengenalpasti jika terdapat transaksi *direct charge* yang berkaitan dengan perbelanjaan POL.
- 4.2 Sekiranya didapati adanya transaksi *direct charge* yang berkaitan dengan perbelanjaan POL maka Kementerian/ Jabatan hendaklah mengambil tindakan lanjut untuk menyalurkan peruntukan kecil kepada pihak JKR untuk menampung perbelanjaan POL untuk tempoh seterusnya.
- 4.3 Untuk mengelakkan insiden *direct charge* berlaku ke atas vot peruntukan berkenaan maka adalah disarankan setiap Kementerian/ Jabatan menyalurkan peruntukan perbelanjaan POL yang mencukupi sekurang-kurangnya sehingga bulan Ogos 2017. Adalah dianggarkan semua Kementerian/ Jabatan akan menggunakan Sistem ePOL pada bulan September 2017.
- 4.4 Kementerian/ Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memantau peruntukan masing-masing. Sekiranya terdapat perbelanjaan melebihi peruntukan atau ada keperluan menambah peruntukan untuk menampung perbelanjaan seterusnya maka tindakan *Virement* atau memohon peruntukan tambahan (ASP) hendaklah diambil.


4.5 Kementerian/ Jabatan adalah bertanggungjawab untuk membuat penyesuaian buku vot (S3P) dengan lejar perbendaharaan setiap bulan untuk memantau kedudukan vot peruntukan perbelanjaan berkenan.

5. **TARIKH KUATKUASA/ PERTANYAAN**

Surat pekeliling ini berkuatkuasa serta merta sehingga pelaksanaan sepenuhnya ePOL dan sebarang pertanyaan berhubung dengan pelaksanaan pekeliling ini hendaklah berhubung dengan Penolong Bendahari Negeri/ Akauntan Kanan/ Akauntan di Bahagian Pengurusan Akaun Awam, Jabatan Bendahari Negeri.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'



(CHUI NGIET NGO)
Bendahari Negeri Sabah

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
88400 KOTA KINABALU

Pengarah Audit Negeri Sabah
Jabatan Audit Negara, Cawangan Negeri Sabah
Blok A, Aras 4
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Jalan UMS-Sulaman, Beg Berkunci No. 2021
88450 KOTA KINABALU